

PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP SISTEM PERBANKAN ISLAM DI BAHAGIAN SAMARAHAN

OLEH:
SAIMI BIN BUJANG
SHARIFAH ANOM BINTI OMAR
AHMAD ROZAINI BIN ALI HASAN

NOVEMBER 2013

SURAT PENYERAHAN LAPORAN

Tarikh : 13 November 2013

No. Ruj. Projek : 600-RMU/DANA 5/3 (14/2012)

Prof. Dr. Abu Bakar Abdul Majid
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

YBhg. Prof.,

PENYERAHAN LAPORAN AKHIR PROJEK DI BAWAH DANA KECEMERLANGAN TAHUN 2013


Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Bersama ini saya sertakan dua (2) salinan berbentuk buku dan satu (1) salinan berbentuk cekera (*soft copy*) bagi laporan akhir projek di bawah Dana Kecemerlangan yang bertajuk "**PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP SISTEM PERBANKAN ISLAM DI BAHAGIAN SAMARAHAN**" untuk makluman dan rujukan lanjut pihak YBhg. Prof Madya.

3. Kerjasama dan keperihatinan pihak YBhg. Prof Madya dalam membantu menyiapkan laporan akhir ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang Benar,



(SAIMI BIN BUJANG)

Ketua Projek

ISI KANDUNGAN

<i>Perkara</i>	<i>Halaman</i>
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	i
AHLI KUMPULAN PENYELIDIKAN	ii
SURAT KELULUSAN DANA KECEMERLANGAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
ABSTRAK	xiv

Bab Satu: Pendahuluan

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Definisi Operasional Kajian	7
1.7.1 Masyarakat	7
1.7.2 Sistem Perbankan Islam	8
1.7.3 Bahagian Samarahan	8
1.8 Skop Dan Batasan Kajian	10
1.9 Ulasan Kajian Lepas	11
1.10 Penutup	12

ABSTRAK

Penerimaan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada Islam dan bukan Islam terhadap produk perbankan Islam dan sistem perbankan Islam menggambarkan peningkatan. Namun, terdapat segelintir masyarakat di Malaysia yang masih meragui tentang kewujudan sistem perbankan Islam di bank-bank konvensional. Lantaran itu, penyertaan masyarakat Sarawak dalam sistem perbankan Islam amat menarik untuk dikaji. Persoalan kajian adalah untuk mengenal pasti penerimaan masyarakat terhadap sistem perbankan Islam di Bahagian Samarahan. Hal ini disebabkan masih ramai masyarakat Malaysia terutamanya orang Islam sendiri yang beranggapan bahawa perkhidmatan yang ditawarkan oleh perbankan Islam adalah sama seperti perkhidmatan perbankan yang beroperasi secara konvensional. Sehubungan itu, kajian ini mengupas latar belakang dan konsep berkenaan dengan sistem kewangan Islam serta sistem perbankan Islam meliputi sejarah perkembangannya di peringkat dunia dan di Malaysia. Huraian seterusnya berkisar kepada struktur sistem kewangan Islam dan rangka kewangan Islam itu sendiri serta penjelasan riba dan rasional pengharamannya menurut al-Quran dan as-Sunnah. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi untuk penggumpulan data berkaitan dengan konsep dan latar belakang sistem perbankan Islam. Manakala kajian lapangan pula menggunakan kaedah soal selidik untuk mengenal pasti penerimaan masyarakat di Bahagian Samarahan terhadap sistem perbankan Islam. Teknik pengambilan sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah teknik persampelan bertujuan dan dilakukan ke atas kumpulan sasaran tertentu yang mempunyai maklumat untuk objektif kajian. Seramai 547 orang yang berkunjung di Bank Simpanan Nasional, Agro Bank dan RHB Bank telah dijadikan sebagai responden kajian. Dapatkan kajian lapangan dianalisa menggunakan statistik deskriptif dengan memperihalkan pelbagai penemuan kajian berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada penggunaan borang soal selidik. Analisa deskriptif meliputi latar belakang responden, hubungan responden dengan institusi perbankan. Huraian dapatan kajian ini menggunakan kaedah pemaparan data yang dianggap sesuai dengan kajian dan dihuraikan secara terperinci berdasarkan soalan-soalan kajian. Keseluruhan kajian ini mendapati penerimaan masyarakat di Bahagian Samarahan terhadap sistem perbankan Islam berada pada tahap yang baik di mana catatan min bagi setiap item adalah sekitar 3.65 sehingga 4.07. Di samping itu, kajian ini juga mampu menjawab kesemua enam persoalan kajian dan telah mencapai objektif kajian, iaitu untuk mengetahui tahap penerimaan masyarakat terhadap sistem perbankan Islam di Bahagian Samarahan dan mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong dan menghalang penggunaan sistem perbankan Islam di kalangan masyarakat di Bahagian Samarahan.

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang penerimaan masyarakat terhadap Sistem Perbankan Islam di Bahagian Samarahan. Oleh itu, bab pendahuluan ini akan mengupas secara sepantas lalu latar belakang berkenaan dengan Sistem Kewangan Islam dan Sistem Perbankan Islam. Kajian ini seterusnya akan menyatakan permasalahan dan persoalan kajian bagi merasionalkan kajian dilakukan. Kajian ini akan menjelaskan objektif dan definisi operational bagi melancarkan operasi kajian. Di samping itu, kajian ini turut ditentukan skop dan batasannya agar tidak terlalu meluas dan tidak terlalu fokus.

1.2 Latar Belakang Kajian

Untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pertumbuhan kewangan Islam di Asia, kerajaan telah melakukan beberapa pembaharuan dalam sistem kewangan negara dengan menubuh dan membentuk beberapa institusi kewangan sama ada yang telah wujud sekian lama mahupun yang sedia ada. Selaras dengan itu, tidak ketinggalan juga Sistem Kewangan Islam (SKI) telah diwujudkan bagi membentuk satu sistem kewangan yang selari dengan Sistem Kewangan Konvensional (SKK). Dengan itu, kewangan di Malaysia mengamalkan sistem “duaan” bagi membolehkan perkembangan pesat dari segi ekonomi di kalangan orang Islam dan bukan Islam.